

PK

ECONEWS

MSIA ALUKAN USAHASAMA PEMASANGAN KERETA DENGAN INDIA

NEW DELHI, 14 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempelawa usahawan India untuk bekerjasama dalam pengeluaran komponen kereta, yang mempunyai potensi besar untuk berkembang.

Bercakap pada satu dialog perniagaan yang dianjurkan oleh Persekutuan Industri India di sini, beliau berkata Malaysia, yang menerima komponen dari Jepun, berharap untuk mendapatkan bekalan dari negara lain.

Malaysia, dengan bilangan penduduk seramai 18 juta, boleh mengeluarkan 150,000 kereta tahun depan dan India mempunyai potensi yang lebih besar dalam industri automotif dengan penduduk berjumlah 800 juta.

"Kami fikir perlu dibangunkan kereta untuk negara membangun, dan ianya akan lebih menarik sekiranya dapat menyaksikan kereta buatan India-Malaysia dijalanraya Eropah," katanya sambil memberi contoh kejayaan Proton Saga buatan Malaysia menembusi pasaran Eropah. -- Bernama